


'Semoga kematian Adib terbela'

Oleh **BADRUL ISA**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 SEPT.

ESOK adalah hari yang cukup mendebarkan buat keluarga Allahyarham Muhammad Adib Mohd. Kassim serta rakyat seluruh negara yang tentunya mahukan keadilan buat anggota bomba itu ditegakkan.



MOHD. KASSIM ABD HAMID

Selepas keterangan saksi-saksi direkodkan, dengan prosiding mencari punca kematian anggota bomba itu turut menyaksikan berlaku drama serta kejutan, Koroner Rofiah Mohammad akan mengumumkan keputusan inkues esok.

Bagi ibu Allahyarham, Asma Aziz, 52, tiada perkara lain yang diharapkannya kecuali keadilan dapat diperoleh bagi anaknya itu.

"Masa pergi Mekah untuk tunaikan ibadah haji tahun ini pun saya tak lupa untuk doakan arwah. Harapan saya sama dengan suami dan rakyat Malaysia supaya keputusan inkues esok memihak kepada arwah Muhammad Adib," katanya.

Bapa Adib, Mohd. Kassim Abd Hamid, 64, pula berharap keputusan inkues esok akan memberikan 'kemenangan' untuk keluarganya.

Sementara itu, Ketua Pembangkang Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi ke-

nyataannya berkata, rakyat negara ini amat mengharapkan mahkamah dapat membuat keputusan dengan adil tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.

"Esok kes inkues ini akan diputuskan oleh mahkamah, rakyat menunggu keputusan ini, sama ada Muhammad Adib meninggal dunia akibat dipukul atau sebaliknya. Kita amat berharap mahkamah membuat keputusan dengan adil tanpa dipengaruhi oleh

tindakan Peguam Negara atau mana-mana pihak sekalipun.

"Keadilan kes Muhammad Adib benar-benar menguji kebebasan mahkamah, rakyat mahu keadilan ditegakkan.

"Rakyat mahu kematiannya mendapat pembelaan sewajarnya oleh sistem perundangan kita, sama-sama kita doakan agar mahkamah membuat keputusan yang terbaik," katanya.

Sementara itu, Kesatuan

Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia (KPBPSM) berharap keputusan inkues yang bakal diketahui esok dapat memihak kepada JBPM dan Allahyarham.

Menurut Presidennya, Zainal Abidin Nong Chik, sekiranya itu berlaku, tentu secara tidak langsung dapat meningkatkan moral anggota bomba supaya dapat terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh semangat.